

20 AUG 1998

Laluan

POLIS ATUR LALULINTAS KE TAPAK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

PULAU PINANG, 20 Ogos (Bernama) -- Cawangan Polis Trafik Daerah Timur Laut telah menyusun beberapa laluan untuk orang ramai menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan ke-41 di Jalan Sultan Azlan Shah iaitu di hadapan Universiti Sains Malaysia (USM) di sini pada 31 Ogos.

Ketua cawangan itu, DSP Husnan Abdul Latiff berkata, bagi melancarkan pergerakan lalulintas, polis akan menempatkan anggotanya di 36 persimpangan untuk mengelakkan kesesakan.

Katanya, Jalan Sultan Azlan Shah akan ditutup kepada lalulintas mulai pukul 6.45 pagi pada 31 Ogos sehingga acara selesai dan juga pada beberapa hari lain iaitu 25, 27 dan 29 Ogos untuk tujuan raptai.

Ketika bercakap pada persidangan berita di sini, beliau berkata beberapa laluan alternatif boleh digunakan sama ada oleh kenderaan dari Seberang Perai yang melalui jambatan atau dari bahagian pulau ke tapak sambutan.

Bagi pengguna yang hendak ke tapak itu, mereka boleh melalui bulatan Gelugor

- Jalan Yap Chor Ee - Jalan Lembah dan kemudian meletakkan kenderaan di tempat meletak kereta di Taman Tun Sardon.

Selain itu mereka juga boleh datang menerusi Jalan Tun Dr Awang - Jalan Bukit Gambir dan masuk ke USM melalui dua pintu masuk -- di Sungai Dua dan Jalan Bukit Gambir -- dan meletakkan kereta mereka di sekitar kampus USM, katanya.

Beliau berkata, sebanyak 1,000 kenderaan boleh diletakkan di dalam kampus itu sementara 200 kenderaan lagi boleh diletakkan di sepanjang jalan di Solok Pemandar.

Sementara itu, 120 buah bas, yang membawa kira-kira 3,000 pelajar yang membuat persembahan padang, boleh diletakkan di persekitaran Stadium Hoki USM dan kenderaan untuk peserta perarakan boleh ditempatkan di belakang tapak pesta Sungai Nibong.

Husnan berkata bagi kenderaan yang menuju ke Seberang Perai dari bandaraya Georgetown pada hari itu bolehlah menggunakan laluan Masjid Negeri/Jelutong ke Jalan Tengku Kudin dan kemudian masuk ke Jambatan Pulau Pinang.

Bagi kenderaan yang hendak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas/ Bayan Lepas/ Bayan Baru boleh menggunakan Jalan Tengku Kudin - Lebuhraya Sungai Nibong-Lebuhraya Bayan Lepas - Bulatan Sungai Nibong - Jalan Sultan Azlan Shah
- Lapangan Terbang.

Bagaimanapun, kenderaan dari persekitaran Bayan Baru atau Bayan Lepas yang hendak ke Seberang Perai boleh mengikuti laluan di bulatan Sungai Nibong - Lebuhraya Bayan Lepas - Lebuhraya Sungai Nibong - Jambatan Pulau Pinang atau ke Jalan Tengku Kudin untuk ke Jelutong atau ke Georgetown.

Husnan berkata, beberapa laluan di sekitar Padang Kota Lama juga ditutup kepada lalu lintas untuk acara konsert Merdeka dan menaikkan bendera pada 30 Ogos mulai pukul 6 petang.

Sebanyak 50,000 orang dijangka memenuhi kawasan Padang Kota pada hari itu untuk bersama-sama menyaksikan upacara menaikkan bendera yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, pada 30 Ogos juga akan berlangsung acara "Eon-Pandu Proton Merdeka" dari Seberang Perai ke bahagian pulau melalui Jambatan Pulau Pinang dan ketika itu, laluan menuju ke bahagian pulau di tutup kepada

lalulintas sehingga acara selesai.

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan atau menghadapi masalah laluan boleh menghubungi bilik gerakan melalui talian 04-2691999.

ZU FAZ